



**SIARAN MEDIA**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAIPK)**  
**PANDUAN SAMBUTAN ADILFITRI 1443**  
**DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan berlandaskan sembah nasihat Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, menzahirkan titah perkenan berikut:

1. Membolehkan Solat Sunat Aidilfitri dilaksanakan tanpa jarak fizikal antara jemaah di masjid dan surau.
2. Membolehkan Solat Sunat Aidilfitri diadakan di tempat terbuka dan kawasan lapang dalam kawasan-kawasan perumahan dengan syarat pihak penganjur memaklumkan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum Aidilfitri kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah dan Balai Polis atau Pondok Polis terdekat.
3. Membolehkan aktiviti takbir Aidilfitri diadakan dari rumah ke rumah.
4. Membolehkan hidangan jamuan Aidilfitri di masjid dan surau secara terbuka atau bufet.
5. Membolehkan aktiviti ziarah kubur.
6. Bermula Solat Maghrib, hari Khamis 26 Ramadan 1443 / 28 April 2022, dibolehkan hidangan jamuan secara terbuka atau bufet diadakan di masjid dan surau.

7. Semua aktiviti Aidilfitri hendaklah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN dan JKN seperti pemakaian pelitup muka dan mendaftar kehadiran di MySejahtera.

DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan DYMM Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh rakyat baginda di samping mendoakan kesejahteraan mereka.

Dikeluarkan dengan menjunjung titah perkenan  
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini  
Yang Dipertua  
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

24 Ramadan 1443 / 26 April 2022.